

Selepas Pengambilan Kunci

SOALAN



Terdapat jurang antara jubin-jubin seramik di flat saya. Adakah ia sepatutnya seperti ini?

JAWAPAN

Jubin seramik merupakan antara jenis bahan membuat lantai paling popular yang digunakan di rumah. Ia tahan lama dan mudah dijaga.

Jurang ini, juga dikenali sebagai joint, diisi dengan turap (grout) jubin. Jurang kecil antara jubin seramik membolehkan variasi kecil dalam saiz jubin, yang terjadi semasa pembuatan jubin. Jurang ini juga membantu menampung pergerakan jubin, terutama apabila terdapat perubahan suhu pada persekitaran.

SOALAN



Saya ingin menambah jumlah air dalam pam tangki air jamban (WC). Apa lagi yang boleh saya lakukan?

JAWAPAN

Sebagai sebahagian daripada usaha pemuliharaan air kebangsaan kita, HDB telah memasang WC yang cekap air di flat anda yang menggunakan jumlah air yang kurang bagi setiap pam. Keberkesanan dan jumlah air yang dipam telah diuji selaras dengan piawai dan keperluan PUB untuk mencapai penjimatan air. Ini akan membantu anda menjimatkan air dan mengurangkan bil penggunaan air anda.

Bagaimanapun, kadang-kala penduduk mungkin ingin pam yang lebih kuat. Penduduk boleh memilih untuk menambah kekuatan pam dengan memasang semburan bidet genggam disisi WC.



Menjaga rumah baru anda: Tip Mengubah Elok & Menyenggara

Mendapatkan Kontraktor yang Sesuai

Dapatkan khidmat kontraktor yang dibenarkan untuk mengubah elok flat HDB sahaja.

Cari direktori kontraktor ubah elok di www.hdb.gov.sg/renocontractors

Rundingkan bersama kontraktor yang anda lantik tentang terma-terma kontrak ubah elok, termasuk mutu kerja mereka.

Sebelum menandatangani kontrak peribadi bersama kontraktor, pertimbangkan jika anda bersetuju dengan:

- Sebut harga dan bayaran
- Skop kerja
- Tempoh masa siap yang dicadangkan

Ubah Elok secara Betul

Ubah elok yang tidak dibenarkan boleh membahayakan! Pastikan kelulusan yang diperlukan diperolehi sebelum memulakan kerja-kerja ubah elok contohnya merobohkan dinding.

Kontraktor harus mematuhi garis panduan ubah elok HDB semasa menjalankan kerja-kerja.

Ketahui lebih lanjut tentang garis panduan dan keperluan ubah elok di www.hdb.gov.sg/homerenovation



Mengubah Elok secara Bertanggungjawab

Menyekat pintu lif boleh merosakkan lif! Ingatkan kontraktor dan krew penghantaran perabot untuk menggunakan lif dengan betul, bertimbang rasa terhadap pengguna lain dan pastikan lif bersih dan bebas daripada sampah.

Jangan membuang sampah ubah elok ke dalam corong sampah. Mengepam atau mencuci serpihan ke dalam perangkap gegeluk dan manguk tandas boleh membuat rangkaian saluran sanitari tersumbat dan rosak.

Menjaga secara kerap menjimatkan kos

Memastikan flat sentiasa dalam keadaan baik akan membantu mencegah kerja pembaikan yang mahal pada masa hadapan.

Dapatkan kontraktor pembaikan anda sendiri atau tanyakan kepada rakan-rakan dan ahli keluarga anda untuk khidmat pertukangan yang boleh dipercayai.

- Gantikan bahagian-bahagian yang sudah lusuh awal.
- Periksa tingkap secara kerap untuk memastikan bahawa ia berada dalam keadaan baik pada setiap masa.
- Pastikan bilik-bilik anda mendapat edaran udara yang baik untuk mencegah keretakan dinding yang disebabkan oleh pengembangan dan pengecutan bahannya daripada perubahan suhu.

Dapatkan banyak lagi tip-tip penyenggaraan rumah di www.hdb.gov.sg/homecareguide



Maklumat Hubungan Berguna

Talian Khidmat Cawangan HDB 1800-225-5432

Jualan/Jualan Semula HDB 1800-866-3066
www.hdb.gov.sg/efeedback

Untuk membantu menyesuaikan diri dengan flat baru anda, Pusat Perkhidmatan Bangunan (BSC) akan ditubuhkan bagi setiap pembangunan yang baru.

BSC akan mula beroperasi sebaik sahaja kunci pertama dikeluarkan, dan akan beroperasi selama setahun.

Anda boleh kunjungi BSC jika anda mempunyai sebarang maklum balas mengenai flat anda.



Fulfilling Dreams, Building Homes, Creating Communities

HDB Hub 480 Lorong 6 Toa Payoh,
Singapore 310480
Tel: 6490-1111
HDB InfoWEB: www.hdb.gov.sg

© 2020 Housing & Development Board. All rights reserved.

SingaporeHDB Singapore_HDB



Kami tahu bahawa berpindah ke rumah baru merupakan masa yang mengujakan untuk keluarga. Sambil anda bersiap untuk berpindah ke rumah, kejiran dan bandar baru anda, banyak yang perlu dipertimbangkan. Daripada mendapatkan panduan ubah elok, mempelajari cara-cara menjaga rumah baru anda sehingga mengetahui tanggungjawab anda sebagai seorang pemilik rumah baru. Kami sedia membantu!



Soalan-soalan Yang Sering Ditanya

Sebelum Pengambilan Kunci

SOALAN

Saya mempunyai surat kelayakan pinjaman HDB yang sudah diluluskan untuk pembelian flat baru. Adakah apa-apa yang perlu saya lakukan sekarang?

JAWAPAN

Sekiranya anda telah mendapatkan surat Kelayakan Pinjaman HDB (HLE) untuk membeli flat baru, anda tidak perlu melakukan apa-apa. HDB akan maklumkan status pinjaman anda apabila flat hampir siap dibina.

SOALAN

Kami telah menempah flat di bawah Skim Tunang. Bilakah kami perlu memberi sijil perkahwinan kami?

JAWAPAN

Jika anda telah menerima Geran Perumahan CPF Tambahan (AHG) dan/atau Geran Perumahan CPF Khas (SHG), sila serahkan sijil perkahwinan anda kepada HDB sebelum anda mengambil kunci flat baru anda.

Sekiranya anda tidak menerima AHG/SHG dan flat baru telah pun siap pada masa tempahan flat, anda harus menyerahkan sijil perkahwinan anda dalam masa 3 bulan selepas mengambil kunci. Walau bagaimanapun, jika flat tersebut sedang dalam tahap pembinaan pada masa tempahan, sijil perkahwinan mesti diserahkan dalam tempoh 3 bulan setelah anda mengambil kunci flat baru atau sebelum Tarikh Penyerahan Pemilikan, yang mana lebih kemudian.

SOALAN

Saya kini mempunyai sebuah flat dan berhasrat menggunakan hasil jualan flat ini untuk membeli flat baru. Bagaimana cara untuk saya melakukannya?

JAWAPAN

Buat perancangan awal bagi penjualan flat yang anda miliki. Sekiranya anda dijemput untuk mengambil kunci flat baru dan sedang dalam proses menjual flat anda, anda boleh memohon Kemudahan Pembayaran Kontra atau Skim Pinjaman Sementara untuk membantu dalam pembelian flat baru.

Untuk maklumat lanjut tentang Kemudahan Pembayaran Kontra atau Skim Pinjaman Sementara, anda boleh lugsuri InfoWEB HDB kami di www.hdb.gov.sg:

Contra Payment Facility

Residential > Financing a Flat Purchase > Housing Loan from HDB > Contra Payment Facility for New Flats

Temporary Loan Scheme

Residential > Buying a Flat > New > Schemes and Grants > Temporary Loan Scheme

SOALAN

Jika saya tidak memilih komponen-komponen di bawah Skim Komponen Pilihan (OCS) semasa menempah flat, bolehkah saya lakukannya sekarang?

JAWAPAN

Sekiranya anda tidak memilih komponen-komponen OCS semasa anda menempah flat, anda tidak boleh melakukannya sekarang. Ia kerana kontraktor bangunan telah menempah bahan-bahan pembinaan dan merancang jadual pemasangan.

SOALAN

Apakah komponen-komponen yang ditawarkan di bawah Skim Komponen Pilihan (OCS)?

JAWAPAN

Anda boleh lugsuri InfoWEB HDB kami di www.hdb.gov.sg: Residential > Buying a Flat > New > Design Features.

SOALAN

Saya tidak ingat apakah yang telah saya pilih di bawah Skim Komponen Pilihan (OCS). Bagaimanakah cara untuk saya memeriksanya?

JAWAPAN

Anda boleh merujuk kepada Borang Pilihan OCS yang diberikan anda semasa anda menempah flat. Jika anda menyalahletakkan Borang Pilihan, anda boleh menghubungi kami di www.hdb.gov.sg/efeedback untuk pertolongan.

Pengambilan Kunci

SOALAN

Bilakah Anggaran Tarikh Siap (PCD) flat?

JAWAPAN

Anda boleh log masuk ke My HDBPage dari laman InfoWEB HDB di www.hdb.gov.sg, menggunakan SingPass anda, untuk memeriksa maklumat PCD terkini.

Select My Flat > Application Status > New Flat > click on your registration number

PCD adalah suatu anggaran, dan tarikh siap sebenar bergantung kepada kemajuan pembinaan.

Anda akan dijemput untuk mengambil kunci flat anda apabila blok anda siap dibina.

SOALAN

Bagaimanakah saya akan dimaklumkan tentang tarikh pengambilan kunci, dan apakah yang perlu saya lakukan?

JAWAPAN

Anda akan dimaklumkan tentang tarikh dan masa temu janji untuk mengambil kunci anda melalui SMS dan emel daripada HDB. Sekiranya anda tidak memberikan HDB nombor telefon dan alamat emel anda, surat temu janji akan dihantarkan kepada anda melalui pos.

Dalam surat temu janji tersebut, anda akan diberitahu tentang cara pembayaran baki harga pembelian, dan dokumen-dokumen yang perlu dibawa pada hari pengambilan kunci.

Selepas Pengambilan Kunci

SOALAN

Apa itu dinding kering (dry wall)? Adakah ia cukup kuat untuk menyokong lekapan di dinding dan memberi insulasi bunyi?

JAWAPAN

Dinding kering (dry wall) diperbuat daripada rangka logam dan disalut tutup dengan panel plaster gypsum di kedua-dua bahagian. Ia digunakan sebagai dinding pemisah dalaman di kawasan kering iaitu di antara bilik tidur, dan di antara ruang tamu dan bilik tidur.

HDB telah melaksanakan penggunaan dinding kering (dry wall) sebagai sebahagian daripada usaha negara untuk meningkatkan produktiviti pembinaan*. Dengan menggunakan pencangkul yang sesuai, dinding kering (dry wall) cukup kuat untuk menyokong lekapan dinding biasa seperti kabinet.

Insulasi bunyi yang disediakan oleh dinding kering (dry wall) juga setanding dengan dinding batu biasa. Sila rujuk panduan yang disediakan di tempat perlindungan rumah untuk maklumat lanjut.

*Berkat kuasa dari 1 Nov 2014, BCA telah memberi mandat bagi semua pembangunan kediaman bukan berhalaman untuk menggunakan dinding kering (dry wall) sebagai pemisah dalaman untuk kawasan kering

SOALAN

Adakah ia selamat untuk memasang peralatan berat di dalam flat saya?

JAWAPAN

Anda boleh meletakkan peralatan di dalam flat anda selagi ia tidak melebihi berat 150kg. Sekiranya berat peralatan melebihi 150kg, anda harus mendapatkan kelulusan daripada HDB sebelum pemasangannya.

SOALAN

Mengapakah terdapat Alat Penggera Kebakaran Rumah (HFAD) di flat saya dan apakah fungsinya?

JAWAPAN

HFAD merupakan sebuah alat pengesan asap automatik yang dipasang di siling yang akan mengeluarkan bunyi amaran apabila asap dikesan. Ia disediakan sebagai satu ciri keselamatan kebakaran untuk rumah anda.

Untuk mengurangi kejadian amaran palsu yang disebabkan oleh habuk daripada kerja-kerja ubah elok, penutup sementara, contohnya sehelai plastik, boleh digunakan untuk menutup HFAD. Jangan lupa untuk menanggalkan penutup ini selepas kerja ubah elok selesai.

Jika anda ingin ketahui lebih lanjut tentang pemasangan HFAD, anda boleh merujuk kepada laman web SCDF di www.scdf.gov.sg/HFAD untuk melihat risalah dan senarai Soalan-Soalan Yang Sering Ditanya.

Untuk tip-tip penyenggaraan HFAD, sila rujuk manual pengguna yang disediakan di dalam flat anda.

SOALAN



Bagaimana cara untuk saya menguji jika HFAD dalam keadaan berfungsi?

JAWAPAN

HFAD boleh diuji dengan mudah dengan menekan dan menahan butang uji yang terletak di bahagian hadapan alat tersebut sehingga penggera berbunyi dan lampu petunjuk berkelip.



Apakah tip-tip penyenggaraan bagi lantai vinyli?

JAWAPAN


Lantai vinyl mudah dijaga. Anda boleh sapu atau bersihkan dengan mop yang lembab sahaja. Untuk melindungi lantai daripada calar, disarankan untuk melekatkan alas lembut di kaki perabot dan berhati-hati semasa mengalihkan perabot.



Apakah tip-tip penyenggaraan bagi pintu kayu?

JAWAPAN

Anda harus mengelakkan percikan air secara berterusan pada pintu kayu. Untuk memastikan pintu kering, anda boleh memasang tirai bilik mandi dan mengudaraikan bilik tersebut.



Bagaimanakah cara untuk saya gunakan rak mengeringkan pakaian di balkoni utiliti/dapur?

JAWAPAN

Anda boleh menurunkan rak ini dalam 2 langkah:

1. Lepaskan kunci rak dengan menarik pengikat pada sudut 45°, mengikut arah anak panah yang ditunjukkan pada rak.
2. Lepaskan perlana-lana untuk menurunkan rak.

Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada manual arahan yang disediakan di flat anda atau dapatkan bantuan di Pusat Perkhidmatan Bangunan.